

JOHOR TERIMA MB BAHARU

- Datuk Onn Hafiz Ghazi dilantik sebagai Menteri Besar Johor ke-19.
- Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap itu meneruskan legasi nenek moyangnya, Datuk Jaafar Muhammad yang merupakan Menteri Besar pertama Johor (1886-1919).
- Moyang beliau, Datuk Onn Jaafar pula merupakan Menteri Besar Johor ketujuh (1947-1950).



Onn Hafiz dilantik MB Johor ke-19

FOTO: BERNAMA



Onn Hafiz menandatangani watakah pelantikan sebagai Menteri Besar Johor.



Onn Hafiz mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor Ke-19 di hadapan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Istana Bukit Serene, Johor Bahru pada Selasa.

Cicit kepada Onn Jaafar angkat sumpah di hadapan Sultan Johor pada Selasa

Oleh NORAZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap, Datuk Onn Hafiz Ghazi, 43, yang merupakan cicit kepada pengasas dan Presiden UMNO, Datuk Onn Jaafar, mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Johor yang baharu.

Onn Hafiz yang juga bekas Exco Pelancongan, Belia dan Sukan Johor mengangkat sumpah di hadapan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Istana Bukit Serene di sini pada Selasa, sekali gus menjadi

Menteri Besar Johor ke-19.

Beliau menerima surat tauliah pelantikan dan melafazkan sumpah menyanggah jawatan dalam Istiadat Penyerahan Surat Tauliah dan Pengisytiharan Pelantikan Menteri Besar Johor pada petang Selasa.

Majlis mengangkat sumpah itu disiarkan di laman Facebook rasmi Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Berangkat sama ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengerusi UMNO Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Johor.

Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor yang berlangsung pada Sabtu, BN meraih kemenangan besar dengan mencatatkan kejayaan dua pertiga apabila memenangi 40 kerusi

Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 56 kerusi dipertandingkan.

Onn Hafiz menang di kerusi DUN Machap yang menyaksikan pertembung-

an antara calon Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Perikatan Nasional (PN) dan Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda).

Sementara itu, Onn Hafiz menerusi satu kenyataan menghargai pengorbanan Hasni kerana memberi peluang kepada orang muda memimpin Johor.

Beliau menyifatkan bekas Menteri Besar Johor itu sebagai negarawan kerana yakin peranan dan kemampuan orang muda bagi mengemudi negeri.

“Pengorbanan yang dilakukan Hasni untuk memberi ruang kepada orang muda bagi memimpin Johor sesungguhnya bukan sahaja menunjukkan betapa besarnya hati dan jiwa negarawan itu.

“Ia membuktikan bahawa beliau yakin peranan dan kemampuan orang muda dalam mengemudi Johor,” katanya dalam kenyataan di laman Facebook rasminya pada Selasa.

Onn Hafiz berkata, gabungan orang berpengalaman dan muda akan memperkukuhkan Johor.

“Insya-ALLAH, saya akan sentiasa memohon khidmat nasihat daripada beliau (Hasni) yang jauh lebih berpengalaman daripada saya.

“Semoga gabungan orang yang berpengalaman dengan tenaga dan idealisme orang muda akan dapat membangun dan memperkukuhkan negeri ini agar terus disegani dan melangkah lebih jauh lagi,” ujar beliau.

Dalam masa sama, beliau turut berikrar untuk berusaha menunaikan segala janji yang dibuat BN sebaik mungkin.

“Saya memohon semua Bangsa Johor tidak kira bangsa, agama dan latar belakang supaya bersama dengan saya iaitu bersatu hati, minda dan tenaga untuk terus membangunkan negeri yang kita cintai ini,” katanya.



Sultan Ibrahim (dua dari kiri) dan Tunku Ismail (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama Onn Hafiz (kiri) dan Hasni di Istana Bukit Serene, Johor Bahru pada Selasa.